

Permohonan Najib tangguh bicara ditolak

BH - 16/6/2020 m/s: 18

Hakim cenderung teruskan perbicaraan, elak bazir masa

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi, semalam menolak permohonan Datuk Seri Najib Razak untuk menangguhkan perbicaraan kes pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dihadapinya bersama bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy.

Bekas Perdana Menteri itu memohon perbicaraan ditangguhkan sehingga mahkamah mendengar dan memutuskan permohonannya untuk membatalkan pelantikan Datuk Seri Gopal Sri Ram selaku Timbalan Pendakwa Raya yang mengetuai pendakwa dalam kes berkenaan.

Najib memfailkan permohonan terbabit pada 12 Jun lalu.

Hakim Mohamed Zaini Nazlan dalam keputusannya berkata, permohonan Najib itu tidak boleh disamakan dengan permohonan untuk membatalkan kelayakan seorang hakim.

Katanya, walaupun permohonan supaya hakim menarik diri daripada mendengar sesuatu kes hendaklah diputuskan terlebih dahulu sebelum sesuatu perbicaraan bermula, perkara sama tidak boleh digunakan dalam permohonan tertuduh.

“Saya tidak mahu terburu-buru tetapi sudah sembilan hari perbicaraan berlangsung, jika ditangguhkan akan membazir masa.

“Dengan mengambil pertimba-

ngan prosiding hari ini (semalam) ditangguhkan, saya lebih cenderung dengan teruskan perbicaraan,” katanya.

Permohonan notis usul dikemukakan Najib turut disertakan dengan affidavit sokongan bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apani Ali, yang mendakwa Sri Ram memujuknya untuk menahan dan mendakwa Najib berkaitan kes 1MDB.

Peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah berkata jika dakwaan itu benar, permohonan membatalkan kelayakan Sri Ram hendaklah diputuskan terlebih dahulu.

Katanya, jika mahkamah meneruskan dengan perbicaraan, ia akan menjejaskan prinsip keadilan bukan saja mesti dilaksanakan, tetapi ia mesti dilihat untuk dilaksanakan.

“Permohonan ini adalah penting untuk diputuskan terlebih dahulu dan ia serius,” katanya

Bagaimanapun, Sri Ram berhujah permohonan Najib tidak menunjukkan beliau (Sri Ram) akan bertindak berat sebelah dan tidak menyebabkan prejudis kepada perbicaraan.

“Saya tidak mungkin boleh membantah permohonan ini, tetapi kami akan minta perbicaraan diteruskan esok (hari ini),” katanya.

Setakat ini, tujuh saksi pendakwaan dipanggil memberi keterangan termasuk bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dan bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Sementara itu, perbicaraan kes pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1MDB dihadapinya Najib dan Arul Kanda, kelmarin ditangguhkan semalam berikutan seorang peguam menjalani ujian COVID-19.

Hakim Mahkamah Tinggi, Mohamed Zaini Mazlan, menang-



Najib hadir perbicaraan kes pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1MDB di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam. (Foto Bernama)

guhkan perbicaraan itu sementara menunggu keputusan ujian peguam terbabit yang juga anggota pasukan pembelaan Najib.

Terdahulu, Muhammad Shafee memberitahu mahkamah, peguam terbabit menghantar mesej WhatsApp kepadanya pada jam 4 pagi kelmarin memaklumkan tidak sihat serta mengalami demam panas dan batuk.

Muhammad Shafee kemudian mengaturkan peguam itu menjalani ujian COVID-19 di sebuah klinik dan keputusan dijangka diperolehi jam 10 pagi semalam. Beliau mempunyai kontak rapat dengan peguam itu kerana mereka terbabit dalam perbicaraan kes bunuh bekas Ketua Eksekutif Cradle Fund di Mahkamah Tinggi Shah Alam, Jumaat lalu.

Muhammad Shafee memohon perbicaraan ditangguhkan sementara menunggu keputusan ujian dan tidak dibantah oleh pihak pendakwa.

“Saya akan menjalani ujian jika peguam itu disahkan positif,” katanya.

Najib, 67, didakwa menggunakan kedudukannya untuk mengarahkan pindaan dilakukan terhadap laporan akhir audit 1MDB sebelum dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) untuk mengelak tindakan diambil terhadapnya.

Arul Kanda didakwa bersubahat dengan Najib dalam membuat pindaan ke atas laporan terbabit bagi melindungi bekas Perdana Menteri itu daripada dikenakan tindakan.

Mereka didakwa mengikut peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000, yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.